

PENULISAN JURNAL

Minggu Praktikum : 9

Tarikh : 6 September 2021 – 10 September 2021

Tajuk Jurnal : Murid Sering Bertanya Soalan di dalam Kelas

1.0 ISU YANG DIFOKUSKAN

Saya mengajar subjek Pengurusan Diri bagi kelas Pendidikan Khas Tahun 1 secara bersemuka atas talian menggunakan *Google Meet*. Semasa mengajar dalam kelas ini, saya dapati terdapat murid yang kerap bertanya soalan di dalam kelas tentang perkara yang telah diterangkan oleh guru. Murid tidak tahu perkara yang diminta oleh guru dan meminta guru untuk menerangkan semula dan menunjuk cara untuk melakukannya. Di samping itu, murid ini juga kerap bertanya soalan yang tidak berkaitan yang menyebabkan pembelajaran menjadi agak terganggu kerana guru perlu memberhentikan pengajaran untuk menjawab soalannya.

2.0 ANALISIS ISU

Hasil daripada penelitian terhadap masalah di atas, punca murid tersebut kerap bertanya di dalam kelas adalah kerana tidak memahami arahan yang diberikan oleh guru. Hal ini kerana guru tidak menerangkan dengan jelas tentang perkara yang mereka perlu lakukan. Selain itu, guru juga tidak menggunakan nada dan intonasi yang berbeza semasa menerangkan menyebabkan murid menjadi keliru dengan arahan yang diberikan oleh guru. Kesannya, murid menjadi bosan mendengar penerangan guru kerana tidak memahami maksud yang disampaikan oleh guru yang menyebabkannya dia sering bertanya kepada guru untuk menghilangkan rasa bosannya.

3.0 KAJIAN LAMPAU TERHADAP ISU

Menurut Hamid dan Yusof (2015), mereka menyatakan bahawa dalam penyampaian arahan, guru perlu memberikan arahan yang tepat serta jelas kepada murid agar murid bukan sahaja dapat memahami input yang hendak disampaikan tetapi juga bertindak sebagaimana dikehendaki guru. Ini bermakna guru perlu mempunyai kemahiran mengaplikasi intonasi dan nada suara yang baik semasa memberikan arahan dengan memberikan penekanan kepada bahagian-bahagian yang penting semasa ujaran berlangsung supaya murid mampu fahami

perkara yang diminta atau disebut oleh guru. Ini juga dapat memastikan PdP berjalan dengan lancar tanpa gangguan.

4.0 CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap isu yang dinyatakan, saya mencadangkan beberapa penyelesaian, antaranya ialah:

- i. Guru menyebut perkataan dengan jelas dan menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap murid
- ii. Mempelbagaikan nada dan intonasi semasa memberi penerangan dengan menekankan kepada perkara yang penting
- iii. Menunjukkan cara untuk melakukan arahan yang diberikan dengan bantuan bahan pengajaran

5.0 TEMPOH MASA

1 minggu

6.0 TINDAKAN SUSULAN

Saya akan mengambil tindakan penambahbaikkkan dengan memperbaiki cara komunikasi semasa mengajar dengan mengujarkan perkataan dengan jelas. Saya juga akan mempelbagaikan intonasi dengan menekankan suara pada bahagian-bahagian yang penting semasa menerangkan dan memberi arahan supaya murid dapat lebih faham dan tidak bosan mendengar penerangan guru. Di samping itu, saya akan menunjukkan contoh perkara yang mereka perlu lakukan selepas memberi arahan. Bahan pengajaran juga digunakan untuk menarik perhatian murid semasa guru menunjukkan contoh dan menerangkan.

7.0 KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN

Tindakan yang telah saya lakukan berdasarkan kepada cadangan penyelesaian didapati memberi impak positi kepada murid. Hal ini kerana, didapati murid dapat menunjukkan semula perkara yang diminta oleh guru selepas guru memberikan arahan. Murid juga menunjukkan minat dalam melakukan aktiviti dan kurang bertanya soalan kepada guru tentang perkara yang telah diterangkan dan ditunjukkan oleh guru.


8.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya melalui tindakan yang telah saya lakukan berdasarkan kepada cadangan penyelesaian didapati memberi impak positi kepada murid. Hal ini kerana, didapati murid dapat menunjukkan semula perkara yang diminta oleh guru selepas guru memberikan arahan. Murid juga menunjukkan minat dalam melakukan aktiviti dan kurang bertanya soalan kepada guru tentang perkara yang telah diterangkan dan ditunjukkan oleh guru.

9.0 RUJUKAN

Hamid, F. N. A., & Yusof, M. (2015). Analisis Struktur Fokus Dalam Komunikasi Arahan Guru Dalam Bilik Darjah. *Jurnal Melayu*, 14(2).

Tandatangan pelajar,



(SITI NUR AISYA NAJIHA BT MOHD
YUSOF)